

Kepimpinan Berkesan dalam Kalangan Pengetua di Sekolah Adalah Penentu Pendidikan Abad ke 21

M. Khata Jabor, Zaipah Binti Ismail

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

81300 Skudai, Johor, Malaysia

Tel: +60-7-553-2620 E-mail: mkhata@utm.my

Abstrak

Kepimpinan pengetua yang berkesan dan bersungguh merupakan pemboleh ubah kepada kejayaan sekolah. Pengetua memainkan peranan yang penting sebagai pemimpin yang mempunyai wawasan yang jelas tentang organisasi dan kakitangannya. Pencapaian kecemerlangan sesebuah sekolah adalah bergantung pada pengurusan yang baik dan kepimpinan yang strategik. Pengetua perlu mempunyai kebijaksanaan yang tinggi untuk menjadi pemimpin yang berkesan, berpengalaman dan proaktif di pelbagai peringkat. Pengetua perlulah peka dan sensitif terhadap perubahan mendatang, lebih berprestij dan berkaliber untuk membentuk pendidikan abad ke 21. Penekanan kepada nilai-nilai murni dan ketuhanan adalah penekanan yang memang sewajarnya sebab nilai-nilai murnilah yang menjadikan seseorang itu pemimpin yang berkesan dengan kedinamikan dan kekreatifannya dalam menghadapi masalah-masalah, mencapai matlamat-matlamat dan juga membuat pilihan-pilihan yang diperlukan dalam menghadapi apa-apa halangan. Kepimpinan yang berkesan, dinamik dan berwawasan berupaya mewujudkan para pendidik yang mempunyai komitmen yang tinggi untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti abad ke 21. Dengan ini akan dapat melahirkan generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang serta mempunyai akhlak yang mulia.

Kata kunci: Kepimpinan Berkesan, Pendidikan Abad ke 21.

1. Pengenalan

Kepimpinan berlaku apabila seseorang mendorong, memujuk dan mempengaruhi orang lain untuk berusaha ke arah pencapaian sesuatu objektif organisasi. Organisasi yang berjaya dapat dibezakan dengan organisasi yang tidak berjaya bergantung kepada gaya kepimpinan yang dinamik dan efektif. Kejayaan organisasi bergantung pada kepimpinan yang berwibawa.

Sekolah yang berkesan dipimpin oleh pengetua yang cemerlang (Abd. Karim 1989). Atan Long dalam kajiannya pada 1991 mendapati sekolah-sekolah yang mempunyai kejayaan yang tinggi dalam bidang akademik adalah dipimpin oleh pengetua yang berkesan.

Menurut Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin Pengarah UNISEL Shah Alam, Kepemimpinan unik seorang pemimpin yang baik merangkumi kebolehan memberikan hala tuju yang jelas, menggalakkan organisasi supaya cenderung kepada pendidikan, memacu organisasi supaya lebih berkesan dan berkeperibadian yang menyokong usaha percambahan ilmu. Beliau menjelaskan, faktor kritikal yang menentukan pencapaian cemerlang organisasi adalah pengurusan yang baik dan kepemimpinan strategik.

Pemimpin yang dinamik, berpengalaman dan proaktif dapat mengatasi masalah perbezaan antara kakitangan dengan bijak menerusi perbincangan yang telus dan ada permuafakatan, sekali gus mencari kaedah dan pendekatan kerjasama yang jelas serta kukuh.

Husin (1993) dalam buku, Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah, membezakan keberkesanan sekolah ialah kepimpinan pengetua. Kepimpinan pengetua yang dinamik dan bersungguh merupakan pemboleh ubah kepada kejayaan sekolah. Pengetua berkesan ialah pengetua yang memainkan peranan sebagai pemimpin yang berwawasan jelas tentang organisasinya dan kakitangannya. Menurutnya ada empat peranan pemimpin untuk mencapai perubahan organisasi dan perubahan sikap kakitangan:

1. Mempunyai kemahiran teknikal
2. Pemimpin berperanan sebagai jurutera manusia
3. Pemimpin simbolik
4. Pemimpin budaya

Cabaran Pendidikan masa kini dan masa hadapan memerlukan pemimpin sekolah peka dan sensitif terhadap perubahan yang mendatang, justeru barisan pemimpin perlu lebih berprestij dan berkaliber. Pengetua perlu menilai semula prestasi masa sekarang dan menyusun tindakan supaya lebih dinamik serta melaksanakan perubahan berani bersesuaian dengan cabaran semasa bagi persediaan pendidikan abad ke 21.

2. Objektif Kajian

Sebab utama kertas kerja ini adalah untuk menentukan bagaimana kepimpinan berkesan boleh digunakan dalam mengurus dan mentadbir sekolah. Sementara itu, objektif kajian ini adalah untuk;

1. mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan berkesan penentu pendidikan abad ke 21.
2. Mengenal pasti isu dan cabaran kepimpinan berkesan di sekolah sebagai penentu pendidikan abad ke 21.

3. Kaedah

Kajian literatur yang berkaitan telah digunakan untuk mengumpul data bagi artikel ini. Artikel yang bersesuaian dicari melalui jurnal seperti google, dan yahoo (<http://www.google.com.my>; dan <http://www.yahoo.com>). Selain itu membuat rujukan tesis di perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) laman web di www.utm.my / spz. Maklumat juga dicari melalui buku teks, artikel jurnal, prosiding persidangan, kertas perbincangan, laporan dan dokumen yang telah dibaca dan dianalisis untuk menghasilkan jurnal ini.

4. Kepimpinan Berkesan

Menurut Stogdill (1958), kepimpinan ialah proses mempengaruhi aktiviti-aktiviti sekumpulan orang dalam organisasi ke arah penentuan dan pencapaian matlamat organisasi. Terry (1960) mendefinisikan kepimpinan sebagai “aktiviti mempengaruhi orang supaya berusaha secara sukarela ke arah mencapai matlamat kumpulan. Dalam sebuah sekolah, kepimpinan adalah satu aspek tingkah laku pengetua dan juga sejenis pengaruh. Oleh sebab kepimpinan pengetua adalah bergantung pada kedudukan formal dalam struktur organisasi sekolah, maka ia disifatkan sebagai kepimpinan formal.

a. Ciri-ciri kepimpinan berkesan

Kepimpinan berkesan menurut Hj. Dahari Hj Derani ialah:

- Komited terhadap kerja dan pengikut
- Mempunyai pengaruh
- Berupaya memujuk
- Mampu membimbing
- Sebagai insan contoh
- Mencipta nilai baik yang tiada sebelum ini
- Menyahut perubahan
- Menumpu kepada misi organisasi dan masa akan datang
- Menjaga rahsia

Menurut Haji Dahari juga kepimpinan yang efektif ialah suatu proses untuk menciptakan wawasan, mengembangkan suatu strategi, membangun kerjasama dan mendorong tindakan. Pemimpin yang efektif adalah :

1. Menciptakan wawasan untuk masa depan dengan mempertimbangkan kepentingan jangka panjang kelompok yang terlibat
 1. Mengembangkan strategi yang rasional untuk menuju ke arah wawasan tersebut.

2. Memperoleh dukungan dari pusat kekuasaan yang bekerjasama, persetujuan, kerelaan atau kelompok kerjanya diperlukan untuk menghasilkan pergerakan itu.
3. Memberi motivasi yang kuat kepada kelompok inti yang tindakannya merupakan penentu untuk melaksanakan strategi

b. Kepimpinan berkesan menerajui perubahan

Menurut Jaafar (1992), terdapat garis-garis panduan yang boleh digunakan untuk menjadi pemimpin berkesan dan membawa perubahan kepada organisasi dan kakitangannya:-

1. Kebanyakan pemimpin terdiri daripada mereka yang berpengaruh, pintar, agresif, berinisiatif dan mempunyai keyakinan diri dan kebolehan menyelia. Pemimpin perlu membuat keputusan, penilaian diri dan peningkatan keyakinan diri.
2. Mengetahui dan mengamalkan gaya kepimpinan yang berkesan. Memahami gaya tersendiri untuk mengekalkan keadaan fleksibel supaya dapat menyesuaikan dengan pelbagai situasi yang berkenaan.
3. Mempercayai perkara yang baik tentang orang lain. Pemimpin yang berkesan, personel yang bijak, bertanggungjawab dan ingin menyelesaikan.
4. Memenuhi keperluan kakitangan. Pemimpin berkeupayaan mendorong, meyakinkan kakitangan untuk berusaha mencapai matlamat organisasi.
5. Sesuaikan kepada ciri-ciri kerja. Pemimpin berkesan membentuk matlamat untuk dijadikan panduan staf, menguatkuasakan peraturan yang terancang dan rapi untuk melaksanakan tugas.
6. Bertindak sebagai pemimpin. Bertindak seperti yang dijangka dan yang diinginkan oleh pengikut agar sanjungan setaraf dengan pemimpin.

5. Pendidikan Abad ke 21

a. Definisi Abad ke 21

Abad ke 21 ialah abad kini dalam kalendar-kalendar yang berdasarkan Kalendar Gregory, Tempohnya adalah dari 2001 hingga 2100 dan tempoh milenium ketiga adalah dari 2001 sehingga 3000. Ini disebabkan pengiraan abad pertama bermula dengan tahun 1. Biasanya, penggunaan umum menganggap bahawa abad ke-21 berlangsung dari 2000 hingga 2099 dan milenium ketiga dari 2000 sehingga 2999. Pada 2000, ISO menyokong kegunaan umum dengan mentakrifkan kalendar yang memulakan perhitungannya dari tahun sifar. Dari segi amalan, masalah ini telah pun diselesaikan dengan penggunaan 1 Januari, 2000 yang meluas untuk menandakan permulaan abad ke-21. Dekad-dekad sering dianggap sebagai bermula dengan tahun sifar dan diberikan nama yang sewajar, umpamanya "2010-an" dan sebagainya. Serupa dengan tempatnya abad ke-20 dalam penamaan "20th century Fox", abad ke-21 telah dipergunakan dalam nama pelbagai syarikat dan organisasi.

Razali Ismail (2000:2), mengatakan abad Ke-21 sering dikaitkan dengan era Teknologi Maklumat (IT) yang memungkinkan kepantasan dan menjumudkan faktor jarak dan masa. Perkembangan terkini dalam • open sky technology • membawa implikasi kepada

kehidupan manusia sejagat. Seperti yang kita lihat dan rasa, dunia yang luas pada hakikatnya telah dikecilkan dengan teknologi komunikasi yang canggih dan pantas.

b. Isu Dan Cabaran

Dalam keghairahan dunia abad ke 21 menikmati kemajuan sektor teknologi maklumat dan komunikasi, bidang pendidikan khususnya di negara kita terus berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang perlu dilihat dengan rasa tanggungjawab oleh semua pihak. Sekiranya isu-isu dan cabaran ini tidak ditangani dengan baik dan betul, kemajuan yang dicapai bukan sahaja tidak mendatangkan sebarang faedah, bahkan akan menimbulkan berbagai-bagai isu kemanusiaan sejagat. Cabaran pendidikan masa kini sangat memerlukan kepimpinan pengetua berubah mengikut peredaran dan cabaran pendidikan alaf baharu. Sebagai negara yang sedang berkembang pesat untuk mencapai Wawasan 2020 kepimpinan sekolah memerlukan perubahan dan anjakan paradigma yang dapat merintis ke arah alaf baru dalam segala aspek.

“Sememangnya tugas ini amat berat, saya memerlukan pasukan benar-benar komited, amanah, jujur dan sanggup bekerja keras untuk memastikan segala perancangan kita dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, dan tidak mengulangi kesilapan masa lalu.”

YB Dato Sri Hisamudin Tun Husin On

Perutusan Tahun Baru 2006

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (Hal.30)

c. Pendidikan Bertaraf Dunia

Pendidikan bertaraf dunia merupakan satu komitmen kepimpinan Malaysia Ke Arah Pendidikan Bertaraf Dunia yang telah diilhamkan oleh Y.A.Bhg Tun Abdullah Ahmad Badawi, Mantan Perdana Malaysia di Sidang Kemuncak Pendidikan 2004. Beliau menyatakan”Membangunkan Sistem Pendidikan Bertaraf Dunia merupakan agenda kerajaan saya”. Pendidikan Bertaraf Dunia merupakan wahana penting bagi mencapai hasrat wawasan 2020 ialah mahu menjadikan masyarakat Malaysia maju dan saintifik. Masyarakat maju perlu bersedia untuk menerima sesuatu yang baru,maju dan berdaya saing. Agen perubahan utamanya ialah pendidikan. Pendidikan merupakan alat terpenting di dalam pembangunan sumber manusia ke arah pencapaian matlamat pembangunan negara. Pendidikan bertaraf dunia atau • world class • akan menentukan kejayaan perubahan insan. (Mohd Najib , 1997). Ini adalah antara kata-kata terawal pemimpin kita mengenai pendidikan bertaraf dunia.

d. Ledakan Globalisasi menimbulkan masalah sosial pelajar

Pendidikan abad ke 21 lakarkan cabaran yang menakutkan. Di samping kemajuan sains dan teknologi, kemudahan alat telekomunikasi yang semakin canggih jelas mempunyai keburukan terutama para remaja bahkan seluruh masyarakat. Kemudahan internet disalahgunakan. Fenomena ini berlaku di kalangan pelajar yang belum matang semakin menular dan membimbangkan.

Inilah isu dan cabaran kepada pemimpin dan guru di sekolah dan tugas pendidikan di era IT ini untuk dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab. Jika tidak, gejala ini akan semakin teruk dan berleluasa. Akhirnya anak-anak muda yang bakal mewarisi kepimpinan pada masa hadapan akan rosak dan merosakkan orang lain dan nama buruk negara.

6. Kepimpinan Melalui Pengurusan Strategik

Kepimpinan yang berkesan melalui pengurusan yang strategik perlu diamalkan oleh pemimpin sekolah bagi memastikan organisasi sekolah bersaing dengan dunia mencabar ini. Untuk mencapai matlamat organisasi dan membawa perubahan kepimpinan berkesan, pengurusan berwawasan serta mempunyai hala tuju yang jelas menjadi teras kepada kejayaan (Edaris Abbu Bakri, 2005).

Merujuk kepada Razali Mat Zain (1989), kepimpinan sekolah perlu:

1. Memiliki ciri kepimpinan yang berupaya menetapkan matlamat, mengarah serta menyelaras dan mentadbir untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.
2. Memberi kepuasan kakitangan dan menghasilkan prestasi kerja cemerlang
3. Yakin deng kepimpinan.
- 4.

7. Kepimpinan Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara.

Kepimpinan sekolah hendaklah berpaksikan kepada konsep ketuhanan. Paksi ketuhanan dalam sistem pendidikan adalah wajar kerana paksi tersebut adalah amat kukuh dan boleh menjamin pembentukan pendidikan seimbang. Paksi ketuhanan dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai pegangan agama yang kuat dan mempunyai sahsiah diri yang terpuji.

Kepimpinan sekolah boleh menerapkan nilai murni dan melahirkan insan yang seimbang dan harmonis melalui ko-kurikulum. Maka, mereka haruslah memberi tumpuan utama kepada pengembangan watak, peribadi dan sahsiah pelajar. Ia perlu untuk mengupas masalah dan cabaran masa kini dan masa akan datang. Ia juga diperlukan untuk memupuk nilai-nilai kewarganegaraan supaya hasrat untuk mewujudkan perpaduan rakyat dan identiti kebangsaan boleh dicapai.

Penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaannya adalah tanggungjawab bersama di antara pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Namun begitu pelaksanaannya adalah di sekolah. Langkah peningkatan keberkesanan dan profesionalisme pengurusan dan pentadbiran pendidikan perlu diberi perhatian yang sepatutnya.

8. Kesimpulan

Kemajuan dan perubahan organisasi bergantung pada individu dalam organisasi, menggunakan kemudahan yang kondusif, tanpa pembaziran tenaga dan sumber. Bagi mencapai pendidikan abad ke 21, pemimpin sekolah perlulah dinamik, mempunyai kepimpinan berkesan, berkualiti dan cemerlang serta perubahan yang berlaku dirancang, dilaksanakan dan dipantau secara sistematik supaya menjadi institusi penghasilan generasi cemerlang, terbilang, gemilang dan berakhlak mulia.

Rujukan

Al. Ramaiah (2009). *Kepimpinan Pendidikan*. Puchong: IBS Buku Sdn. Bhd.

Husin Mahmood, (1993). *Kepimpinan Berkesan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jaafar Muhammad (1988). *Asas Pengurusan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Jurnal Akademik IPGM Kampus Kota Bharu Bil. 1/2009.

Kementerian Pelajaran Malaysia, (2007). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Perpustakaan Negara Malaysia.

Khairina Yasin (2009). *Kepemimpinan dinamik*. Berita Harian 8-September-2009.

Razali Mat Zan (1996). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Sumber : Wikipedia bebas dalam Versi Bahasa Melayu; Tarikh akses : 24 September 2010.

Tajul Ariffin Mohd Noordin & Nor Aini Dan (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn Bhd.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, (1993). *Wawasan pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.